



MASJID TAMAN PULAI INDAH  
Biro Kebajikan Khairat Kematian  
No. 1, Jalan Gapis, Taman Pulai Indah  
81110 Johor Bahru, Johor.  
No. Tel: 019-7311344, 019-7444177  
Email: masjidpulaindah@gmail.com

---

## **POLISI DAN PROSEDUR TABUNG BIRO KEBAJIKAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID TAMAN PULAI INDAH TAHUN 2023**

### **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 Tabung Khairat Kematian Masjid Taman Pulai Indah (TKKMTPI) adalah satu tabung kebajikan yang ditubuhkan oleh Masjid Taman Pulai Indah (MTPI). TKKMTPI ini diamanahkan kepada Biro Kebajikan Khairat Kematian MTPI dan telah diuruskan mulai bulan Januari 2018.

### **2.0 OBJEKTIF PENUBUHAN TKKMTPI**

- 2.1 TKKMTPI ditubuhkan untuk memenuhi objektif seperti berikut:

- i. Menyediakan kos perbelanjaan pengurusan jenazah ahli atau tanggungan ahli apabila berlaku musibah kematian dengan kadar segera.
- ii. Mengurus dan mengumpul wang tabung dengan teratur dan bertanggungjawab.
- iii. Menyediakan peluang kepada ahli kariah untuk sama-sama menyumbang sebagai amalan kebajikan (infaq) dengan cara membantu ahli atau tanggungannya yang memerlukan bantuan apabila ditimpa musibah kematian.

### **3.0 UNDANG-UNDANG KECIL TKKMTPI**

#### **3.1 Kelayakan**

- i. Dibuka kepada semua penduduk Islam dalam kariah MTPI samada penduduk tetap atau sementara (Penyewa).
- ii. Oleh kerana terdapat beberapa taman-taman perumahan telah wujud di sekitar MTPI, maka keahlian juga dibuka untuk penduduk Taman

Pulai Mutiara, Laman Indah, Taman Pulai Hijauan, Taman Pulai Makmur dan Amber Hill.

### **3.2 Tempoh Minima Mendapat Manfaat**

- i. Tiada tempoh minima untuk mendapat manfaat atau kemudahan. Ahli layak menuntut manfaat sebaik sahaja mendaftar dengan syarat ahli dalam keadaan sihat dan tidak koma semasa mendaftar.

### **3.3 Maksud Ahli dan Tanggungan Ahli**

- i. Umur kemasukan ahli dan pasangannya adalah bermula 18 tahun berdasarkan tarikh hari jadi akan datang.
- ii. Tanggungan Ahli ialah keluarga terdekat iaitu isteri/suami, anak atau anak-anak yang belum berumahtangga atau belum berdikari dan umur anak tidak melebihi 23 tahun serta belum bekerja (belum mempunyai pendapatan sendiri) kecuali anak OKU. Anak yang berumur 23 tahun ke atas boleh berdaftar secara berasingan sekiranya sudah bekerja.
- iii. Bagi Ahli yang berdaftar atas namanya sendiri dan sekiranya berlaku musibah kematian, maka isteri /suami perlu mendaftar semula sebagai Ahli baru dan tidak boleh menyambung keahlian isteri/suami yang lama/sediada.
- iv. Anak angkat yang berumur 23 tahun atau lebih yang dibela sejak kelahirannya dan hendaklah disahkan statusnya oleh Ahli.
- v. Anak tiri yang berumur tidak lebih daripada 23 tahun yang dikahwini oleh duda/janda semasa tempoh sijil berkuatkuasa.

### **3.4 Jumlah Ahli Keluarga Menerima Manfaat**

- i. Faedah khairat dalam satu keluarga (rujuk Perkara 4) iaitu suami/isteri dan anak-anak di bawah tanggungan. Faedah ini juga mengambil kira ahli/keluarga yang meninggal dan dikebumikan di Taman Pulai Indah.

### **3.5 Pendaftaran Ahli Keluarga Secara Berasingan**

- i. Ahli keluarga seperti ibu/bapa sendiri atau mertua yang tinggal bersama tidak perlu memohon menjadi ahli secara berasingan. Tempoh tinggal bersama hendaklah sekurang-kurangnya 6 bulan ke atas.

- ii. Anak sendiri/anak tiri/anak angkat/pembantu rumah yang sudah mencapai 23 tahun ke atas dan masih tinggal bersama ahli serta berminat menjadi Ahli TKKMTPI, perlulah mendaftar sebagai ahli baru secara berasingan.

### **3.6 Sumbangan Yuran Tahunan**

- i. Sumbangan yuran tahunan TKKMTPI adalah sebanyak RM50.00 untuk seorang ahli dan tanggungannya yang sah. Bayaran boleh dibuat kepada Ahli Jawatankuasa yang dilantik atau wakil Kawasan/Fasa masing-masing.
- ii. Sekiranya ahli TIDAK membayar tahun-tahun sebelumnya, maka ahli perlu menyelesaikan yuran tersebut terlebih dahulu sehingga yuran tahun semasa/hakiki.
- iii. Bagi ahli yang memperbaharui keahlian, tempoh sahlaku adalah serta merta manakala bagi ahli yang baru mendaftar, tempoh sahlaku adalah berkuatkuasa setelah 3 bulan.
- iv. Bagi kes-kes terpencil/Istimewa yang mana sekiranya berlaku kematian ahli keluarga lebih daripada 2 orang/serentak terpulang kepada budi bicara Pihak Pengurusan Tertinggi.

### **3.7 Yuran Pendaftaran**

- i. Yuran pendaftaran dikenakan RM10.00 sekali seumur hidup. Ahli yang berdaftar akan diberikan sekeping kad keahlian.

### **3.8 Ahli Yang Berpindah Kawasan Lain Membayar Yuran Penuh**

- i. Seseorang ahli yang telah membayar yuran tahunan SEPENUHNYA dan kemudian berpindah keluar dari Taman Pulai Indah dalam tempoh tahun semasa/hakiki adalah LAYAK menuntut manfaat TKKMTPI sekiranya berlaku musibah kematian setelah berpindah.

### **3.9 Ahli Yang Berpindah Kawasan TIDAK Membayar Yuran Penuh**

- i. Seseorang ahli yang TIDAK membayar yuran tahunan sepenuhya dan berpindah keluar dari Taman Pulai Indah dalam tempoh tahun semasa/hakiki adalah TIDAK LAYAK menuntut manfaat sekiranya berlaku musibah kematian setelah berpindah.

- ii. Manakala bagi ahli yang tidak membuat bayaran pembaharuan selama 2 tahun berturut-turut maka keahliannya tidak aktif. Untuk mengaktifkan semula dikehendaki membuat bayaran yang tidak dijelaskan termasuk yuran ahli baru.

#### **4.0 MANAFAAT AHLI APABILA BERLAKU KEMATIAN**

4.1 Berikut adalah manfaat yang akan diperolehi oleh ahli yang mendaftar:


<b>Bil.</b>	<b>Penerima Faedah/Manfaat</b>	<b>Kadar Faedah (RM)</b>
1.	Ahli	1,100.00 (siang)
2.	Pasangan/Anak-anak Ahli	1,200.00 (malam)
3.	Anak yang meninggal dalam kandungan (5-9 bulan)	250.00
4.	Anak angkat yang mempunyai dokumen yang sah	500.00
5.	Ibu bapa/Ibu bapa mertua ahli yang tinggal bersama dalam tempoh masa 6 bulan ke atas	1,000.00
6.	Ibu bapa ahli tidak tinggal bersama	200.00

#### **5.0 MAKLUMAT KOS PENGURUSAN JENAZAH**

<b>Waktu dan Perkara Urus/Kos</b>	<b>Dalam Kawasan (Siang) RM</b>	<b>Dalam Kawasan (Malam) RM</b>	<b>Luar Kawasan (Siang) RM</b>	<b>Luar Kawasan (Malam) RM</b>
Mandi dan kafan	180.00	200.00	180.00	200.00
Set kain kapan	230.00	230.00	230.00	230.00
Caj van jenazah	FOC	FOC	FOC	FOC
Talkin	50.00	70.00	50.00	70.00
Pengurusan kubur	500.00	600.00	500.00	600.00
Elaun pemandu/pembantu (2/3 pemandu/1/3 pembantu)	80.00	100.00	80.00	100.00
Jarak Perbatuan (Pergi & balik)	0-90 KM	0-90 KM	120 KM	300 KM
Caj Perbatuan	0	0	30.00	210.00
<b>Jumlah Kos (RM)</b>	<b>1,040.00</b>	<b>1,200.00</b>	<b>1,070.00</b>	<b>1,410.00</b>
Baki Ahli terima (Dari manfaat RM1,100 -siang RM 1,200 -malam)	60.00	0	30.00	-210.00

\*Nota : Jumlah kadar bayaran adalah berubah dari masa ke semasa mengikut pihak pengurusan tanah perkuburan dan pengurusan jenazah. Kos tol pergi dan balik adalah dibawah tanggungan waris.

## 6.0 CARTA ALIR PROSEDUR DAN KADEAH BAYARAN PENGURUSAN JENAZAH



## **7.0 DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENGURUSAN JENAZAH**

- 7.1 Bagi melancarkan urusan pengurusan jenazah dan tuntutan bayaran, ahli atau waris dimohon untuk menyerahkan satu salinan fotokopi dokumen berikut kepada Pihak Pengurusan:
- i. Salinan kad pengenalan atau sijil kelahiran (yang belum ada kad pengenalan);
  - ii. Salinan surat kematian;
  - iii. Salinan surat kebenaran pengkebumian oleh pihak Polis; dan
  - iv. Salinan kad pengenalan orang yang membuat tuntutan.

### **7.2 Maklumat Pengurusan Tanah Perkuburan**

<b>Tanah Perkuburan</b>	<b>Nama Orang Yang Boleh Dihubungi</b>	<b>No. Telefon</b>
Tanah Perkuburan Kangkar Pulai	Tuan Haji Mahmud	013-704 9400
Tanah Perkuburan Bukit Aliff	Tuan Haji Majid	012-755 3187

## **8.0 JAWATANKUASA PENGURUSAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN MTPI**

**8.1 Ahli Jawatankuasa Pengurusan TKKMTPI Sesi 2023-2025 (Untuk pendaftaran Ahli, Bayaran Yuran, Manfaat dan Penerangan Lanjut):**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>No. Telefon</b>	<b>Alamat</b>
1.	En. Ahmad Fathi Aidil	Imam MTPI	013-796 8287	36, PI 7/8
2.	Haji Abu Bakar b. Mohamad		019-7170060	83, PI 3/8
3.	En. Zulkaria bin Ali		018-466 60081	
4.	En. Yazid bin Abu Bakar		012-719 3016	27, PI 4/9
5.	En. Mohamed Nasiruddin Shah bin Mohammed Shafri		011- 588 90789	34, PI 14/9
6.	Dr. Fauzan Khairi bin Che Harun	Sistem Web/Data Khairat	019-775 9749	26, PI 26/6
7.	En. Mohd Faiz bin Jimin		012-732 8578	20, PI 24/6
8.	En. Mohammad Shaifullah bin Md. Zamri		011-391 76630	23, PI 9/7
9.	En. Zakaria bin Maidin		019-715 6594	34, PI 2/5
10.	Puan Noresah binti Kadimin		019-761 0755	45, PI 8/1
11.	Pn. Hjh Khadijah binti Embong		013-799 7624	8, PI 3/9
12.	Pn. Suhaila binti Selamat		013-770 1092	1, PI 4/8
13.	Pn. Hjh Hazizah binti Sa'dan		019-727 8475	No. 9 PI 15/3
14.	Pn. Nordiyana binti Jahaya		019-428 4607	15, PI 6/13
15.	Pn. Hjh Waganah binti Basiran		017-799 8753	14, PI 2/8
16.	Pn. Robaniah binti Abd. Hadi		010-660 8425	26, PI 7/7
17.	Pn. Sufiah binti Omar		012-747 5060	51, PI 5/1
18.	Pn. Rosmah binti Jelani		019-780 5352	12, PI 7/8